

## Laluan Pertumbuhan Sektor Perkhidmatan Malaysia

### *Services Sector Growth Path in Malaysia*

Nur Azura Sanusi [nurazura@umt.edu.my](mailto:nurazura@umt.edu.my)  
Laina A/P Ea Kerian [laina\\_kerian@yahoo.com](mailto:laina_kerian@yahoo.com)  
Nuruzaini Hasbollah  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Universiti Malaysia Terengganu

#### ABSTRAK

Sektor perkhidmatan merupakan sebahagian daripada komponen terpenting dalam menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Bermula pada tahun 1960, sektor perkhidmatan telah mendapat perhatian dalam analisis ekonomi terutamanya yang melibatkan sektor ketiga. Sektor perkhidmatan adalah saling berkait dengan sektor-sektor lain iaitu sektor pertama dan sektor kedua. Perkembangan sektor pertama dan sektor kedua akan mencorakkan pertumbuhan dan struktur sektor perkhidmatan yang meliputi pelbagai bidang dan bermulanya transformasi ekonomi dari sektor pembuatan kepada sektor perkhidmatan. Sehubungan itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti laluan pertumbuhan sektor perkhidmatan di Malaysia. Fokus kajian mengambil kira tahap produktiviti bagi setiap sub-sektor dalam sektor perkhidmatan. Kajian ini diukur menggunakan pendekatan Indeks Malmquist berdasarkan data tahun 1995 sehingga 2007. Dapatan kajian melaporkan bahawa laluan pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah semakin meningkat dengan bertunjangan kecekapan teknikal ke atas buruh dan kecekapan teknologi yang ada. Keputusan kajian menunjukkan bermula tahun 2005 sektor perkhidmatan berupaya dalam meningkatkan produktiviti dan wujud turun naik dalam tingkat produktiviti. Ia membuktikan kecekapan yang berlaku pada masa sekarang didorong oleh tingkat teknologi yang moden. Secara keseluruhannya kajian ini membuktikan bahawa kecekapan sektor perkhidmatan adalah berkembang maju dan berupaya menggerakkan ekonomi Malaysia.

Kata Kunci: Produktiviti, Kecekapan, Malmquist, Perkhidmatan

#### ABSTRACT

*The service sector is an important component part in contributing to Malaysia's economy. Beginning in 1960, the service sector has received much attention in economic analysis, especially in the tertiary sector. The service sector is related with other sectors such as the agricultural and manufacturing sectors. The development of the agricultural and manufacturing sectors has shaped economic growth and the structure of the service sector, which includes various sub-sectors that initiated the economic transformation from the manufacturing sector to the service sector. Accordingly, the purpose of this study is to identify the growth of the service sector in Malaysia. The focus of the study takes into account the productivity for each of the sub-sectors in the service sector. The research was measured by the Malmquist Index approach using data from 1995 to 2007. The findings showed that service sector growth increased due to the technical efficiency of labour and increased productivity due to modern technology. The results showed that starting in 2005, the service sector was able to fluctuate the level productivity, proving that efficiency occurred as a result of modern technology. In conclusion, this research was able to provide empirical evidence that the development and growth of the service sector has contributed to economic growth.*

*Keywords: Growth, Productivity, Efficiency, Malmquist, Services*

#### PENGENALAN

Sebelum mencapai kemerdekaan, ekonomi Malaysia berasaskan seperti *Agrarian* (berkaitan dengan pertanian), aktiviti ekonomi lebih tertumpu kepada penanaman getah dan perlombongan bijih timah, manakala di negeri utara semenanjung tumpuan adalah pada tanaman padi. Hal ini kerana, pada masa tersebut, sektor perkhidmatan tidak lagi dikenalpasti sebagai sektor yang menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi Negara.

Bermula pada tahun 1960, sektor perkhidmatan telah mendapat perhatian dalam analisis ekonomi. Rentetan itu, fokus ekonomi Malaysia mengalami transformasi daripada berasaskan pertanian kepada berasaskan k-ekonomi. Ia mengambil masa berdekad sebelum pakar menerima peranan yang dimainkan oleh sektor perkhidmatan dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Pelbagai andaian yang diajukan untuk menggambarkan fenomena tanpa bergantung kepada sektor asas seperti pertanian dan pembuatan. Pada abad ke 21, sektor perkhidmatan masih kekal sebagai salah satu sektor yang amat penting dalam struktur pergerakan ekonomi di Malaysia dan juga dunia.

Analisis oleh Katouzian (1970), membahagikan sub-sektor perkhidmatan kepada tiga iaitu perkhidmatan “baru”, “penggenap” dan “lama”. Perkhidmatan “baru” terdiri daripada sub-sektor perkhidmatan pendidikan, kesihatan, hiburan (perhotelan, pelancongan dan konsert). Manakala perkhidmatan “penggenap” pula terdiri daripada sub-sektor perkhidmatan bank, kewangan, pengangkutan dan perdagangan runcit dan borong. Perkhidmatan “lama “ seperti kerja memandu teksi, pembantu rumah dan tukang cuci.

Sektor perkhidmatan adalah saling berkait dengan sektor-sektor lain iaitu sektor pertama dan sektor kedua di mana perkembangan sektor-sektor tersebut akan mencorakkan pertumbuhan dan struktur sektor perkhidmatan selain itu ia meliputi berbagai-bagai bidang. Secara umumnya, sektor perkhidmatan terdiri dari lima kategori sub-sektor iaitu kategori pertama adalah elektrik, gas dan air, kategori kedua sub-sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, kategori ketiga sub-sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran, , kategori keempat sub-sektor kewangan, insurance, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dan kategori kelima sub-sektor perkhidmatan kerajaan dan sub-sektor perkhidmatan lain-lain.

Sehubungan itu, Jadual 1 menunjukkan sumbangan sub-sektor perkhidmatan terhadap Keluaran Dalam Nagara Kasar pada tahun 1990 sehingga tahun 2010. Sub-sektor kewangan, insurance, hartanah dan perkhidmatan perniagaan adalah penyumbang terbesar dalam KDNK sepanjang tahun 1990 sehingga 2010 kecuali tahun 1999 dan 2000 yang mana pada waktu ini negara sedang menghadapi krisis kewangan. Sub-sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dan sub-sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran merupakan penyumbang kedua pada tahun 2010 dengan sumbangan masing-masing bernilai RM31984 juta dan RM53456 juta. Peningkatan dalam sub-sektor tersebut selaras dengan peningkatan perdagangan, peningkatan dalam penggunaan dan aktiviti pelancongan. Selain itu, sub-sektor yang lain memberikan sumbangan yang lebih kecil terhadap KDNK adalah elektrik, gas dan air, perkhidmatan kerajaan dan perkhidmatan lain-lain.

Sehubungan itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti laluan pertumbuhan sektor perkhidmatan Malaysia dimana fokus adalah mengambil kira tahap produktiviti bagi setiap sub-sektor dalam sektor perkhidmatan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dengan peningkatan produktiviti maka tingkat pengeluaran bagi sektor perkhidmatan juga meningkat sekaligus ia akan meningkatkan tingkat pendapatan Negara.

Rangka kajian ini terdiri daripada beberapa bahagian iaitu bahagian 2 merangkumi Kajian Lepas yang ditulis oleh penulis terdahulu. Bahagian 3 Metodologi terdiri dari metod yang digunakan untuk menganalisis kajian dan data yang digunakan. Bahagian 4 Keputusan Kajian yang menerangkan hasil yang diperolehi dari analisis yang telah dijalankan dan Bahagian 5 Penutup.

## **KAJIAN LEPAS**

Kecekapan teknikal dan perubahan teknologi di Malaysia yang melibatkan sektor perindustrian Chandran dan Pandiyan (2008) berkenaan pertumbuhan jumlah faktor produktiviti (TFP) dengan mengubah kecekapan teknikal dan perubahan teknologi terhadap industri perkhidmatan di Negara membangun contohnya di Malaysia. Beberapa tahun kebelakangan ini, sektor perkhidmatan iaitu sektor ketiga muncul sebagai sektor yang mendominasi berbanding sektor pertama dan kedua. Pada tahun 2000 peratus sumbangan sektor perkhidmatan terhadap GDP Negara sebanyak 45.2% Chandran dan Pandiyan (2008). Index Malmquist digunakan sebagai pengukur output index produktiviti melibatkan data panel dari 20 industri perkhidmatan antara tahun 1987-1992. Data input yang adalah pekerja (jumlah bilangan pekerja ) dan modal (modal asset tetap yang bias index harga pengeluar bagi barangan tertentu dalam ekonomi domestik terhadap barangan pembuatan). Data output adalah hasil kasar yang bias index harga pengguna bagi industri masing-masing. Menurut Chandran dan Pandiyan (2008), industri perkhidmatan di Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang positif dalam pertumbuhan jumlah faktor produktiviti dengan syarat kemajuan masih berpihak kepada perubahan teknologi. Faktor penyumbang kepada pertumbuhan jumlah faktor produktiviti adalah kecekapan teknikal walaupun kemajuan teknologi agak lembap dalam kemajuan jumlah faktor produktiviti.

Sehubungan itu, kajian yang dijalankan oleh C. Kumbhakar dan Mavrotas (2005) menyatakan bahawa pembangunan dalam sektor kewangan akan menggalakkan pertumbuhan produktivi sesebuah Negara. Perubahan struktur di dalam sesebuah Negara akan menggalakkan proses globalisasi. Sampel kajian terdiri dari 65 negara yang melibatkan Negara-negara membangun seperti Afrika, Asia Pasifik, Amerika Selatan dan Timur Tengah. Pengukuran produktivi berdasarkan fungsi pengeluaran Cobb-Douglas. Digunakan iaitu pertama pendekatan fungsi piawai yang selaras dan kedua fungsi faktor penghujahan. Dari segi model, kaedah pertama pembolehubah input yang digunakan ialah modal dan buruh manakala output pembolehubah kadar pertukaran (KDNK) dan kaedah kedua pula pembolehubah input modal dan buruh namun ditambah pula pembolehubah yang dikawal seperti kadar inflasi dan nisbah perbelanjaan kerajaan terhadap KDNK. Hasil kedah pertama menunjukkan kebanyakan negara adalah positif perkadarannya iaitu peningkatan pembangunan sektor kewangan akan meningkatkan peratusan KDNK dan sekaligus meningkatkan tingkat produktiviti Negara manakala hasil kedah kedua melengkapkan lagi kedah pertama mencatatkan hasil yang rendah sedikit berbanding kaedah pertama dengan pembolehubah-pembolehubah lain menyumbang kepada tingkat produktivi Negara. Oleh itu, perubahan struktur dalam pembanguna sector kewangan sememangnya meningkatkan produktivi sesebuah Negara.

Menurut Odeck, J (1999) mengkaji berkenaan kecekapan relatif dan pertumbuhan produktiviti dalam perkhidmatan penyeliaan kenderaan menggunakan aplikasi DEA dan Indeks Malmquist untuk menganalisis kecekapan dan pertumbuhan produktiviti bagi Agensi Penyeliaan Kenderaan Bermotor Norwegian dari tahun 1989 sehingga 1991. Data diperolehi daripada 67 stesen penyeliaan kenderaan bermotor Norway. Pengukuran kecekapan menggunakan pendekatan bukan parametric manakala pertumbuhan produktiviti bagi setiap agensi penyeliaan diukur menggunakan indeks malmquist melalui nisbah diantara kecekapan, sama ada kecekapan bagi pengeluaran yang sama tapi dalam dua tempoh masa atau dua pengeluaran yang berbeza pada masa yang sama. Hasil kajian dapati penurunan dalam produktiviti pada tahun 1990 hingga 1991 bagi agensi penyeliaan kenderaan tersebut dan sudut pengukuran kecekapan kestabilan adalah tinggi.

Sektor kewangan juga boleh meningkatkan produktiviti berpandukan tingkat kecekapan dan perubahan teknikal menurut Guillaumont Jeanneney S, Hua P, dan Liang Z (2005). Ia berkenaan dengan pembangunan kewangan, kecekapan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi bukti dari China. Tujuan kajian mereka adalah untuk menyiasat impak pembangunan kewangan terhadap pertumbuhan produktiviti Negara China. Mereka menggunakan pendekatan bukan parametrik analisis pengumpulan data (DEA) dan menggunakan model indeks Malmquist untuk mengukur perubahan faktor produktiviti menyeluruh (TFP) Negara China kemudian hasil daripada pengukuran tersebut diaplikasikan dalam dua komponen iaitu perubahan tingkat kecekapan dan perubahan teknikal. Sampel yang diambil adalah sebanyak 29 negeri di China dari tahun 1993 sehingga 2001. Keputusan emperikal menyatakan bahawa pembangunan kewangan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan produktiviti Negara China. Faktor produktiviti menyeluruh (TFP) Negara china meningkat dengan adanya perkembangan dalam teknikal berbanding peningkatan dalam kecekapan.

Selain dari sub-sektor kewangan, kajian mengenai sub-sektor perkhidmatan yang lain turut dikaji iaitu produktiviti bagi sub-sektor telekomunikasi. Jiro Nemoto dan Sumiko Asai (2002) mengkaji berkenaan skala ekkonomi, perubahan teknikal dan pertumbuhan produktiviti bagi perkhidmatan telekomunikasi di Jepun. Objektif kajian mereka ialah untuk menyelidik kos struktur dalam perkhidmatan telekomunikasi di Jepun untuk mengukur pertumbuhan produktiviti dan halatuju pertumbuhan tersebut. Pengukuran yang digunakan adalah menggunakan teknik ekonometrik iaitu DEA. Penganggaran Tornqvist terhadap indeks asas Divisia bagi kadar pertumbuhan dalam TFP digunakan untuk memperoleh halatuju TFP. Panel data diperolehi dari sebelas kawasan perkhidmatan telekomunikasi NTT iaitu Hokkaido, Tohoku, Tokyo, Kanto, Shinetsu, Tokai, Hokuriku, Kansai, Chugoku, Shikoku dan Khusyu dari tahun 1992 sehingga 1997. TFP diukur berdasarkan asas dalam menganggarkan parameter dan kadar pertumbuhan TFP tersebut diaplikasikan dalam tiga sumber iaitu skala ekonomi, perubahan teknikal dan penyelarasan modal. Hasil kajian yang diperolehi adalah sumbanga dalam perubahan teknikal kepada produktiviti pertumbuhan perkhidmatan telekomunikasi lebih berkesan berbanding perubahan dalam skala eknomi dan pelarasan modal iaitu lebih dari 80 peratus sumbangan perubahan dalam teknikal kepada pertumbuhan TFP.

Peningkatan dalam perubahan teknikal berbanding faktor lain turut dipersetujui oleh Marziah, M dan Abu Hassan Shaari, MN (2006). Mereka telah mengkaji tentang produktiviti dan kecekapan teknologi sektor pembuatan Malaysia. Objektif kajian mereka adalah untuk menganggar pertumbuhan produktiviti faktor keseluruhan (TFP) industry di sektor pembuatan Malaysia. Kajian yang dijalankan antara tahun 1986 sehingga 2002 dengan menggunakan data sekunder pada peringkat tiga digit yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik fungsi pengeluaran translog dan melalui kaedah analisis pembatasan stokastik (SFA), pendekatan ini

mampu menguraikan komponen TFP kepada kemajuan teknik (TP), perubahan kecekapan teknik (TEC), dan perubahan kecekapan skala (SEC). Hasil kajian terpilih dalam sektor pembuatan menunjukkan industry elektrik dan elektronik mempunyai TFP yang tertinggi diikuti oleh pengangkutan. Kedua-dua industri ini menunjukkan terdapat kemajuan teknik yang positif yang menyumbang kepada pertumbuhan TFP, manakala sumbangan kepada kecekapan teknikal dan kecekapan skala adalah minimum.

Kesan modal awam terhadap produktiviti turut dikaji oleh Boisso, Grosskopf dan Hayes (2000). Kajian ini berkenaan produktiviti dan kecekapan di US, kesan daripada kitaran perniagaan dan modal awam. Boisso, Grosskopf dan Hayes mengira fungsi komponen indeks Malmquist di dalam analisis pengumpulan data (DEA). Objektif kajian ini ialah mengenalpasti sebab penurunan dalam produktiviti di US kecuali Hawaii dan Alaska. Data mengenai hasil pengeluaran hasil negeri diambil dari tahun 1970 sehingga 1986. Mereka mengukur tingkat produktiviti menggunakan indeks produktiviti Malmquist yang dicipta oleh Caves et al. (1982) iaitu mengkaji kesan perubahan modal awam terhadap produktiviti negara tersebut. Indeks tersebut dapat mengubah pertumbuhan produktiviti melalui perubahan tingkat kecekapan dan tingkat teknologi yang berinovasi. Hasil kajian, terdapat beberapa pengaruh yang menentukan tingkat produktiviti. Pertama dengan mengenalpasti kesan daripada kitaran perniagaan, kedua variasi di dalam negeri contohnya hubungan diantara sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan akan meningkatkan tingkat teknologi dan kecekapan input. Ketiga perbezaan di antara negar dalam nisbah modal swasta per buruh dijangka dapat mengubah tingkat kecekapan dan perubahan teknikal. Keempat negeri yang sektor swastanya berhubungan dengan keseluruhan ekonomi adalah dihipotesis lebih cekap dan lebih berpengalaman berbanding tingkat teknologi.

**METODOLOGI**

Indeks Jumlah Faktor Produktiviti (TFP) adalah pengukuran indeks Malmquist berpandukan fungsi jarak. Indeks Jumlah Faktor Produktiviti (TFP) digunakan mengukur produktiviti dan tahap keupayaan sektor tersebut. Panel data 5 jenis sub-sektor digunakan dalam kajian. Index Malmquist produktiviti mengukur antara tempoh t+1 dan t (Fare et al 1994) adalah seperti dibawah:

dimana, 
$$M^0(y^{t+1}, x^{t+1} | y^t, x^t) = \left[ \frac{d_0^t(x^{t+1}, y^{t+1})}{d_0^t(x^t, y^t)} \times \frac{d_0^{t+1}(x^{t+1}, y^{t+1})}{d_0^{t+1}(x^t, y^t)} \right]^{1/2} \tag{1}$$

$M^0(y^{t+1}, x^{t+1} | y^t, x^t)$  adalah dapat beraskan indeks produktiviti dalam pengeluaran unit teknologi relatif, t teknologi merujuk kepada :

- $D_0$  Output fungsi jarak
- $y^{t+1}$  output dalam tempoh t+1
- $x^{t+1}$  input dalam tempoh t+1
- $y^t$  output dalam tempoh t
- $x^t$  input dalam tempoh (period)

Indeks TFP mempunyai komponen perubahan kecekapan teknikal (TE) dan perubahan teknologi (TC) (Fare et al., 1994; Coelli, 1996). TE dianggap teknik yang berkesan dimana membabitkan kecekapan penggunaan input “catching-up effect” sementara TC mengukur faedah kebaikan teknologi dan modal peralatan “the frontier effects” . Penghitungan pertumbuhan TFP dalam TE dan TC seperti berikut:

Selagi 
$$M^0(y^{t+1}, x^{t+1} | y^t, x^t) = \left[ \frac{d_0^{t+1}(x^{t+1}, y^{t+1})}{d_0^{t+1}(x^t, y^t)} \right] \left[ \frac{d_0^t(x^{t+1}, y^{t+1})}{d_0^t(x^t, y^t)} \right] \times \left[ \frac{d_0^t(x^t, y^t)}{d_0^{t+1}(x^t, y^t)} \right]^{1/2} \tag{2}$$

(PE)                      (TFP)                      (TE)                      (TC)

Di mana TE = SE x PE.

Pengukuran output yang digunakan adalah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kadar pertumbuhan sektor perkhidmatan. Dua input iaitu jumlah tenaga buruh dan jumlah buruh sektor perkhidmatan. Bagi jumlah tenaga buruh diukur dalam bilangan manakala kadar pertumbuhan dan

KDNK dalam bentuk peratus. Data yang digunakan diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Ekonomi 2006 dan Laporan Bank Negara. Analisis kajian meliputi tahun 1995 sehingga 2007.

## KEPUTUSAN KAJIAN

Jadual 2, menunjukkan sektor perkhidmatan secara keseluruhannya positif tingkat produktiviti kecuali pada tahun 1998, 2001 dan 2004 penurunan dalam tingkat produktiviti subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan iaitu sebanyak 0.587, 0.336, 0.353. Ini disebabkan pada masa tersebut, berlaku pelaburan untuk meningkatkan modal manusia adalah pada tahap minimum, dan tidak berlaku kepada struktur modal yang moden, proses teknikal yang tidak semaksimum yang boleh dan kurangkan latihan kemahiran yang diberi kepada tenaga buruh di samping faktor ekonomi sendiri yang tidak membangun pada tahun 1997 dan 1998 akibat krisis kewangan.

Selain subsektor pengangkutan, subsektor kewangan juga mengalami keadaan yang sama, namun bermula dari tahun 2005, kedua-dua subsektor menunjukkan peningkatan. Peningkatan TFP pada masa ini disebabkan pembangunan dalam tingkat teknologi, pelaksanaan kualiti dan aktiviti dalam system dan pembangunan dalam modal buruh. Subsektor utiliti menunjukkan kadar penurunan dan peningkatan yang tidak ketara dilihat kuarang produktif pada tahun 2004 iaitu sebanyak 0.014. Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran juga mengalami penurunan produktiviti pada tahun 1998, 2001 dan 2004 namun pada tahun 2005 subsektor ini apabila berlaku perdagangan di dalam dan luar Negara yang memberikan impak kepada mobiliti tingkat produktiviti sektor perkhidmatan di Negara ini.

Dalam analisis Catch-up ini menunjukkan turun naik indeks produktiviti tetapi bermula pada tahun 2005 nilainya adalah semakin meningkat. Diantara tingkat produktiviti dan indeks Catch-up ini mempunyai hubungan yang linear dengan wujudnya kolerasi yang tinggi antara keduanya. Bagi sektor perkhidmatan, untuk dua tahun kebelakangan ini kecekapan persempadanan atau teknologi mengatasi kecekapan teknikal. Ini bermakna tingkat teknologi telah menyumbang kepada peningkatan produktiviti sektor perkhidmatan di Malaysia.

Indeks produktiviti persempadanan (frontier) adalah satu komponen yang dihuraikan oleh tingkat produktiviti yang dihuraikan sebelum ini. Di dalam Jadual 2 analisis ini menunjukkan pertambahan dan penurunan dalam produktiviti persempadanan namun secara kesimpulannya dapat dilihat bermula pada tahun 2005, indeks produktiviti persempadanan meningkat bagi sektor perkhidmatan dan juga bagi subsektor perkhidmatan. Indeks ini merupakan kecekapan dalam tingkat teknologi.

## PENUTUP

Berdasarkan nilai indeks TFP Malmquist, kajian ini membuktikan bahawa sektor ini semakin meningkat terutamanya bagi tingkat produktivitinya. Kajian membuktikan pertumbuhan sektor perkhidmatan dan setiap subsektor perkhidmatan semakin meningkat bermulanya tahun 2005 berbanding dari tahun 1995 yang sentiasa berlaku turun naik dalam tingkat produktiviti. Ini disebabkan oleh dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan dan badan-badan swasta yang sememangnya berguna untuk membentuk kecekapan tenaga buruh dengan mengeluarkan lebih banyak output dalam pengeluaran. Selain itu, pengenalan kepada pelbagai bentuk latihan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.

Selain itu, faktor kecanggihan teknologi juga merupakan faktor utama kecekapan dalam pengeluaran berlaku. Bagi sektor perkhidmatan, pelbagai teknologi canggih telah dibawa masuk ke Malaysia dengan harapan sektor ini dapat meningkatkan daya pengeluaran dan seterusnya dapat menggerakkan ekonomi Negara dengan lebih maju selaras dengan matlamat Malaysia menjadi Negara maju 2020 kelab. Apabila usaha pembentukan tingkat produktiviti sektor perkhidmatan ini telah dilakukan dari peringkat awal, ia akan menyebabkan kadar pertumbuhan sektor perkhidmatan meningkat dan sekaligus akan menyebabkan KDNK Malaysia meningkat dan memajukan ekonomi Negara.

## RUJUKAN

Chandran, V., G., R., Pandiyan, (2008). *Technical Efficiency and Technological Change in Malaysia Service Industries*.

Dale, B., Shawn, G., Kathy, H.,(2000). Productivity and efficiency in the US: effects of business cycle and public capital.

Hiroyuki, I., (2001). Structural transformasion and economic growth in Hong Kong: Another look at Young's Hong Konh Thesis.

Ismail, R., Jajri, I., (2000). Sources of Labor Productivity Growth in Large Scale Industries in Malaysia.

James, O., (1999). Assessing the relative efficiency and productivity growth of vehicle inspection services: An application of DEA and Malmquist Indices.

Jiro, N., Sumiko, A., (2002). Scale economics, technical change and productivity growth in Japanese local telecommunication services.

Nik Mustapha, N.H., Md. Amin, M.A., (2004). Total Factor Productivity Growth Measurement and Analysis for Manufacturing Sector.

Subal, C.K., George, M., (2005). Financial Sector Development and Productivity Growth.

Sylviane, G.J, Ping, H., Zhicheng, L., (2006). Financial Development, Economic Efficiency and Productivity Growth:Evidence from China.

Tim, C., Prasada, R., George, E.B., (1998). An introduction to Efficiency and Productivity Analisis, Kluwer Academic Publishers.

Jabatan Perangkaan Malaysia. Laporan Penyiasatan Industri Perkhidmatan Terpilih, pelbagai tahun. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2001.

Malaysia. (1996). Seventh Malaysia Plan, 1996-2000. Kuala Lumpur: Government Publication.

Malaysia. (2001). The Eight Malaysia Plan, 2001-2005. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Malaysia. (2001). The Night Malaysia Plan, 2006-2010. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Malaysia. (1991). The Six Malaysia Plan, 1991-1995. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Laporan Ekonomi 2004/2005.

Laporan Ekonomi 2003/2004.

Laporan Bank Negara 2006.

Laporan Bank Negara 2005.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2008). [www.statistic.gov.my](http://www.statistic.gov.my). Akses pada April 2008.

Bank Negara Malaysia (2008). [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my) . Akses pada May 2008.

JADUAL 1: Keluaran Dalam Negara Kasar Mengikut Industri Asal 1990-2010 ( RM'000 pada harga constant 1987)

Sub-Sektor	1990	1995	2000	2005	2010
Elektrik,Gas dan Air	1526	2823	8278	10860	14450
Pengangkutan, Penyimpanan dan Kominikasi	5487	8787	16858	23163	31984
Perdagangan Borong dan Runcit, Penginapan dan Restoran	8806	14568	31116	38437	53456
Kewangan, Insurance, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	7758	12884	26755	39568	55385
Perkhidmatan Kerajaan	8447	11683	14332	19831	24759
Perkhidmatan Lain-lain	1678	2436	16070	20346	28052
Jumlah	33711	53181	113409	152205	208086

Sumber: Idris Jajri

**JADUAL 2 : Pengukuran Produktiviti bagi Subsektor Perkhidmatan**

	95-96			96-97			97-98			98-99			99-00		
	MI	CU	TC	MI	CU	TC	MI	CU	TC	MI	CU	TC	MI	CU	TC
Pengangkutan	0.896431	0.78928	1.135759	0.959402	1.063044	0.902505	1.097482	0.792703	1.38448	0.587316	0.417679	1.40614	1.512198	0.927321	1.630717
Kewangan	0.923636	0.813232	1.135759	0.937594	1.03888	0.902505	1.150718	0.831155	1.38448	0.123229	0.087636	1.40614	3.027273	1.856406	1.630717
Utiliti	1.25944	1.229661	1.02422	0.885456	0.962575	0.919882	1.518608	1.203145	1.262199	2.684012	3.64344	0.73667	1.693416	1.078375	1.57034
Perdagangan	0.882009	0.776582	1.135759	0.984895	1.09129	0.902505	1.246329	0.900214	1.38448	0.173544	0.123418	1.40614	1.921692	1.178434	1.630717
Perkhidmatan Lain	2.39684	2.110343	1.135759	0.350018	0.387829	0.902505	1.409846	1.018322	1.38448	0.497314	0.353673	1.40614	0.352676	1.630717	1.630717
Purata	1.214314	1.089293	1.117169	0.819022	0.904409	0.905401	1.072458	0.79259	1.32946	17.34424	17.43764	1.25784	1.650141	1.018566	1.620654
	00-01			01-02			02-03			03-04			04-05		
	MI	CU	TC	MI	CU	TC	MI	CU	TC	MI	CU	TC	MI	CU	TC
Pengangkutan	0.903058	1.208105	0.7475	0.335572	0.507456	0.661282	2.2615	1.761401	1.283921	1.355048	0.950241	1.426004	0.353344	8.798934	0.040158
Kewangan	1.4802	1.980201	0.7475	0.50872	0.769294	0.661282	1.035102	0.806204	1.283921	1.063935	0.746095	1.426004	0.619025	15.41513	0.040157
Utiliti	0.664413	0.790048	0.840978	0.753947	1.299893	0.580006	1.219206	0.901732	1.352071	1.462863	1.052364	1.390073	0.013538	0.11365	0.119121
Perdagangan	0.438843	0.58708	0.7475	0.865354	1.308601	0.6611282	0.545115	0.424571	1.283921	4.593858	3.22149	1.426004	1.839205	45.79916	0.040158
Perkhidmatan Lain	2.770261	3.706034	0.7475	1.459504	2.207083	0.6611282	0.897456	0.698997	1.283921	1.023333	0.717622	1.426004	1.968793	49.02632	0.040158
Purata	1.227138	1.62519	0.76308	0.771019	1.192574	0.647736	1.163854	0.898507	1.295279	1.831409	1.288714	1.420016	0.957087	23.79585	0.053318
	05-06			06-07											
	MI	CU	TC	MI	CU	TC									
Pengangkutan	0.994277	1	0.994277	1.162955	1	1.162955									
Kewangan	0.994258	1	0.994258	1.163018	1	1.163018									
Utiliti	0.994268	1	0.994268	1.162952	1	1.162952									
Perdagangan	0.994111	0.999843	0.994267	1.163149	1.000148	1.162976									
Perkhidmatan Lain	0.994232	1	0.994232	1.162987	1	1.162987									
Purata	1.007837	1.013654	1.013654	1.1925	1.025385	1.162978									